



**UMS**  
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

FAKULTI PERNIAGAAN, EKONOMI DAN PERAKAUNAN

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**KEWANGAN PERNIAGAAN**

**(BT12503)**

SEMESTER 1, 2023/2024

**TUGASAN BERKUMPULAN :**

**Lotte Chemical Titan Holding Berhad**

<b>Nama</b>	<b>No Matrik</b>
EZWA AMIRA BINTI DZULKIFLI	BB23110369
NURASYIKIN BINTI BADRUL	BB23110881
FARAH AINA BINTI MUNTAHA	BB23110475
FARRAH NURAINN BINTI FATMAN	BB23110111
MAHAZIR BIN MAHMOD	BB23110280
LOGAHPRAKASH A/L B.MURUGAN	BB23110474
CHU KAM YUNG	BB23110451

**DISEDIAKAN UNTUK:**

**DR. DAYANG SAFRINA AG.BUDIN**

## ISI KANDUNGAN

---

<b>1.0 LATAR BELAKANG DAN SIFAT PERNIAGAAN SYARIKAT .....</b>	<b>1</b>
<b>1.1 JADUAL PENGIRAAN .....</b>	<b>2-7</b>
<b>2.0 ANALISIS NISBAH KEWANGAN SYARIKAT</b>	
<b>2.1 NISBAH KECAIRAN</b>	
2.1.1 NISBAH SEMASA .....	8
2.1.2 NISBAH UJIAN ASID (CEPAT).....	9
2.1.3 PURATA TEMPOH PENGUMPULAN.....	9
2.1.4 PEROLEHAN AKAUN BELUM TERIMA.....	10
2.1.5 NISBAH PEROLEHAN INVENTORI.....	10
2.1.6 JUALAN HARI DALAM INVENTORI.....	11
<b>2.2 NISBAH STRIKTUR MODAL</b>	
2.2.1 NISBAH HUTANG .....	12
2.2.2 NISBAH KALI PENDAPATAN FAEDAH .....	13
<b>2.3 NISBAH KECEKAPAN PENGURUSAN ASET</b>	
2.3.1 NISBAH PEROLEHAN JUMLAH ASET .....	14
2.3.2 NISBAH PEROLEHAN ASET TETAP .....	15
<b>2.4 NISBAH KEUNTUNGAN</b>	
2.4.1 MARGIN UNTUNG KASAR.....	16
2.4.2 MARGIN UNTUNG OPERASI.....	17
2.4.3 MARGIN UNTUNG BERSIH .....	17
2.4.4 PULANGAN OPERASI ATAS ASET .....	18
2.4.5 PULANGAN KE ATAS EKUITI.....	19
<b>2.5 NISBAH NILAI PASARAN</b>	
2.5.1 NISBAH HARGA ATAS KEUNTUNGAN .....	21
2.5.2 NISBAH PASARAN BUKU.....	22

**3.0 RINGKASAN ANALISIS DAN CADANGAN**

**3.1 RINGKASAN ANALISIS** .....23

**3.2 CADANGAN** .....24

**4.0 RUJUKAN**.....29

## **1.0 LATAR BELAKANG DAN SIFAT PERNIAGAAN SYARIKAT**

Lotte Chemical Titan Holding Berhad adalah sebuah Syarikat pertama dan terbesar di Malaysia dalam pengeluaran petrokimia (olefin) dan polimer (poliolefin). Ia juga merupakan pengeluar poliolefin yang kedua terbesar di Asia Tenggara. Lotte Chemical Titan ditubuhkan pada tahun 1991. Syarikat ini diasaskan sebagai usaha sama di antara T.T Chao daripada Chao Group International dengan Permodalan Nasional Berhad (PNB) melalui anak syarikatnya, PNB Equity Resources Corporation (PERC). Pada tahun 2017, Lotte Chemical Titan Berjaya menjadi senarai Asia Pertama di Papan Utama Bursa Malaysia dan juga merupakan penyenaian terbesar Malaysia dalam lima tahun sejak tahun 2012.

Visi Lotte Chemical Titan adalah memperkaya kehidupan orang ramai dengan menyediakan produk dan perkhidmatan unggul yang disukai dan dipercayai oleh pelanggan. Syarikat menghasilkan portfolio olefin dan poliolefin yang paling komprehensif di Malaysia yang menyumbang kepada peningkatan kehidupan seharian. Segmen produk olefin dan poliolefin terlibat dalam pembuatan dan penjualan produk. Produk yang dikeluarkan oleh LCT digunakan dalam kehidupan seharian seperti pembinaan kereta, isi rumah asas, taman permainan, pertanian dan kedai runcit. Poliolefin terdiri daripada polietilena (PE) dan polipropilena (PP) yang digunakan oleh pelanggan-pelanggan konsumer dan perindustrian. Contoh produk yang dihasilkan seperti filem pembungkusan, beg sampah, komponen kereta, botol dan penutup plastik dan penebat dawai dan kabel. Poliolefin juga menggantikan bahan-bahan biasa seperti logam, kaca, kertas dan kayu.

Selain terlibat dalam industri pembuatan plastik, Lotte Chemical Titan juga berkhidmat sebagai syarikat petrokimia yang komprehensif dengan menyumbang kepada kehidupan yang mewah kepada masyarakat. Pada tahun 1989, kilang pertamanya dibina di Pasir Gudang, Johor. Kini, LTC mempunyai 12 loji, dua loji jana bersama dan tiga medan tangki yang terletak di Pasir Gudang dan Tanjung Langsat Johor yang mempunyai jumlah kapasiti pengeluaran melebihi 3 juta tan setahun.. Lotte chemical Titan melaksanakan strategi pengurusan yang mematuhi matlamat Pembangunan Lestari Pertubuhan Badan-badan Bersatu untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai warga korporat global. Berdasarkan amalan industri yang dijalankan oleh organisasi, LTC mematuhi piawaian tertinggi dalam sistem pengurusan alam sekitar dan juga pengurusan keselamatan yang optimum dalam organisasi.

## 1.1 JADUAL PENGIRAAN

### 2.1) NISBAH KECAIRAN

Nisbah Semasa = Aset Semasa / Liabiliti Semasa

Tahun Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte Chemical Titan Holding Berhad	<u>5,977,176</u> 839,582 =7.11 kali	<u>6,141,184</u> 770,808 =7.97 kali	<u>6,229,011</u> 819,459 =7.60 kali	<u>7,310,666</u> 985,330 =7.42 kali	<u>3,911,723</u> 1,189,972 =3.29 kali

(Jadual 2.1.1: Pengiraan Nisbah Semasa bagi Lotte Chemical Titan Holding Berhad)

Nisbah Ujian Asid (Cepat) = Aset Semasa - Inventori / Liabiliti Semasa

Tahun Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte Chemical Titan Holding Berhad	<u>(5,977,176-1,507,657)</u> 839,582 =5.32 kali	<u>(6,141,184-1,324,854)</u> 770,808 =6.25 kali	<u>(6,229,011-1,294,003)</u> 819,459 =6.02 kali	<u>(7,310,666-1,674,270)</u> 985,330 =5.72 kali	<u>(3,911,723-1,461,912)</u> 1,189,972 =2.06 kali

(Jadual 2.1.2: Pengiraan Nisbah Ujian Asid (Cepat) bagi Lotte Chemical Titan Holding Berhad)

Purata Tempoh Pengumpulan = Akaun Belum Terima / Jualan Kredit Tahunan / 365 hari

= Akaun Belum Terima/Jualan Kredit Harian

Tahun Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte Chemical Titan Holding Berhad	<u>1,007,726</u> 25,327.97 =39.79 hari	<u>857,356</u> 23,117.90 =37.09 hari	<u>733,903</u> 18,907.81 =38.81 hari	<u>975,283</u> 26,933.93 =36.21 hari	<u>919,586</u> 27,449.54 =33.50 hari

(Jadual 2.1.3: Pengiraan Purata Tempoh Pengumpulan Bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Berhad)

PEROLEHAN AKAUN TERIMA= Jualan Kredit Tahunan / Akaun Belum Terima

<b>Tahun</b> <b>Syarikat</b>	<b>2018</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2019</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2020</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2021</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2022</b> <b>(RM'000)</b>
Lotte Chemical Titan Holding Berhad	<u>9,244,709</u> 1,007,726	<u>8,438,031</u> 857,356	<u>6,901,349</u> 733,903	<u>9,830,885</u> 975,283	<u>10,019,083</u> 919,586
	=9.17 kali	=9.84 kali	=9.40 kali	=10.08 kali	=10.89 kali

(Jadual 2.1.4: Pengiraan Perolehan Akaun Belum Terima Syarikat Lotte Chemical Titan Berhad)

NISBAH PEROLEHAN INVENTORI= Barang yang dijual/Inventori

<b>Year</b> <b>Company</b>	<b>2018</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2019</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2020</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2021</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2022</b> <b>(RM'000)</b>
Lotte Chemical Titan Holding Berhad	<u>8,396,894</u> 1,507,657	<u>7,969,125</u> 1,324,854	<u>6,401,914</u> 1,294,003	<u>8,541,568</u> 1,674,270	<u>10,815,826</u> 1,461,912
	=5.57 kali	=6.02 kali	=4.95 kali	=5.10 kali	=7.40 kali

(Jadual 2.1.5: Pengiraan Nisbah Perolehan Inventori untuk Lotter Chemical Titan Holding Berhad)

JUALAN HARI DALAM INVENTORI = 365/Nisbah perolehan inventori

<b>Tahun</b> <b>Syarikat</b>	<b>2018</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2019</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2020</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2021</b> <b>(RM'000)</b>	<b>2022</b> <b>(RM'000)</b>
Lotte Chemical Titan Holding Berhad	<u>365</u> 5.57	<u>365</u> 6.02	<u>365</u> 4.95	<u>365</u> 5.10	<u>365</u> 7.40
	=65.53 Hari	=60.63 Hari	=73.74 Hari	=71.57 Hari	=49.32 Hari

(Jadual 2.1.6: Pengiraan Jualan Hari Dalam Inventori Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad)

## 2.2) NISBAH STRUKTUR MODAL

$$\text{Nisbah Hutang} = \frac{\text{Total Liabiliti}}{\text{Total Aset}}$$

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022
Syarikat	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Lotte Chemical Titan	1,517,118	1,579,425	1,640,079	2,146,564	2,248,172
Holding Berhad	<u>13,521,052</u>	<u>13,858,649</u>	<u>13,908,220</u>	<u>15,474,759</u>	<u>16,771,817</u>
	= 0.11%	= 0.11%	= 0.12%	= 0.14%	= 0.13%

(Jadual 2.2.1 : Pengiraan Nisbah Hutang bagi Lotte Chemical Titan Holding Berhad)

$$\text{Nisbah Kali Pendapatan Faedah} = \frac{\text{Pendapatan Operasi Bersih (EBIT)}}{\text{Perbelanjaan Faedah}}$$

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022
Syarikat	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Lotte Chemical	656	227	281	1,035	1,032
Titan Holding	<u>15,252</u>	<u>16,931</u>	<u>14,360</u>	<u>13,811</u>	<u>17,858</u>
Berhad	= 0.04 kali	= 0.01 kali	= 0.02 kali	= 0.07 kali	= 0.06 kali

(Jadual 2.2.2 : Pengiraan Nisbah Kali Pendapatan Faedah bagi Lotte Chemical Titan Holding Berhad)

## 2.3) NISBAH KECEKAPAN PENGURUSAN ASET

$$\text{Nisbah Perolehan Jumlah Aset} = \frac{\text{Jualan}}{\text{Jumlah Aset}}$$

Tahun	2018	2019	2020	2021	2022
Syarikat	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)	(RM'000)
Lotte Chemical	9,244,709	8,438,031	6,901,349	9,830,885	10,019,083
Titan Holding	<u>13,521,052</u>	<u>13,858,649</u>	<u>13,908,220</u>	<u>15,474,759</u>	<u>16,771,817</u>
Berhad	= 0.68 kali	= 0.61 kali	= 0.50 kali	= 0.64 kali	= 0.60 kali

(Jadual 2.3.1: Pengiraan Nisbah Perolehan Jumlah Aset bagi Lotte Chemical Titan Holding Berhad )

$$\text{Nisbah Perolehan Aset Tetap} = \frac{\text{Jualan}}{\text{Aset Tetap}}$$

Tahun / Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte Chemical	9,244,709	8,438,031	6,901,349	9,830,885	10,019,083
Titan Holding	5,360,287	4,909,584	5,067,755	5,254,255	9,598,844
Berhad	= 1.72 kali	= 1.72 kali	= 1.36 kali	= 1.87 kali	= 1.04 kali

( Jadual 2.3.2: Pengiraan Nisbah Perolehan Aset Tetap bagi Lotte Chemical Titan Holding Berhad )

## 2.4) NISBAH KEUNTUNGAN

$$\text{Margin untung kasar} = \frac{\text{untung kasar}}{\text{jualan/hasil}}$$

Tahun/ Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte Chemical	847815	468906	499435	1289317	(796743)
Titan Berhad	9244709	8438031	6901349	9830885	10019083
	× 100 =9.17%	× 100 =5.56%	× 100 =7.24%	× 100 =13.11%	× 100 =-7.95%

(Table 2.4.1 : Pengiraan Margin Untung Kasar untuk Lotte Chemical Titan Berhad mengikut kumpulan)

$$\text{Margin Untung Operasi} = \frac{\text{Pendapatan Operasi Bersih atau EBIT}}{\text{Jualan/hasil}}$$

Tahun/ Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte Chemical	760414	259910	272034	1090975	(1041451)
Titan Berhad	9244709	8438031	6901349	9830885	10019083
	× 100 =8.23%	× 100 =3.08%	× 100 =3.94%	× 100 =11.10	× 100 =-10.39

(Table 2.4.2 : Pengiraan Margin Untung Operasi untuk Lotte Chemical Titan Berhad mengikut kumpulan)



$$\text{Margin Untung Bersih} = \frac{\text{untung bersih}}{\text{jualan}}$$

Tahun/ Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte	785343	<u>442552</u>	154013	<u>1040865</u>	(745056)
Chemical	9244709	8438031	6901349	9830885	10019083
Titan Berhad	× 100 =8.50%	× 100 =5.24%	× 100 =2.23%	× 100 =10.59%	× 100 =-7.44%

(Table 2.4.3 : Pengiraan Margin Untung bersih untuk Lotte Chemical Titan Berhad mengikut kumpulan)

$$\text{Pulangan Operasi Atas Aset} = \frac{\text{pendapatan sebelum faedah dan cukai}}{\text{Jumlah Aset}}$$

Tahun/ Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte	785343	<u>442552</u>	<u>154013</u>	<u>1040865</u>	<u>(745056)</u>
Chemical	2307792	2307792	2307792	2312365	2312365
Titan Berhad	× 100 =34.03%	× 100 =19.18%	× 100 =6.67%	× 100 =45%	× 100 =-32.22%

(Table 2.4.4 : Pengiraan Pulangan Atas Aset untuk Lotte Chemical Titan Berhad mengikut kumpulan)

$$\text{Pulangan Ke Atas Ekuiti} = \frac{\text{untung bersih}}{\text{Pemegang saham equiti}}$$

Tahun/ Syarikat	2018 (RM'000)	2019 (RM'000)	2020 (RM'000)	2021 (RM'000)	2022 (RM'000)
Lotte	785343	<u>442552</u>	<u>154013</u>	<u>1040865</u>	<u>(745056)</u>
Chemical	2307792	2307792	2307792	2312365	2312365
Titan Berhad	× 100 =34.03%	× 100 =19.18%	× 100 =6.67%	× 100 =45%	× 100 =-32.22%

(Jadual 2.4.5 : Pengiraan Pulangan ke atas Equiti untuk Lotte Chemical Titan Berhad mengikut kumpulan)

## 2.5) NISBAH NILAI PASARAN

$$\text{Nisbah Harga Atas Keuntungan} = \frac{\text{Harga Pasaran Per Saham}}{\text{Keuntungan Per Saham}}$$

TAHUN	NISBAH HARGA ATAS KEUNTUNGAN
2018	$\frac{RM\ 4.565}{RM\ 34.46} = 13.25\ kali$
2019	$\frac{RM\ 2.329}{RM\ 19.35} = 12.04\ kali$
2020	$\frac{RM\ 2.820}{RM\ 6.54} = 43.12\ kali$
2021	$\frac{RM\ 2.284}{RM\ 4.57} = 49.98\ kali$
2022	$\frac{RM\ 1.436}{-RM\ 32.10} = -4.47\ kali$

Jadual 2.5.1: Nisbah harga atas keuntungan syarikat Lotte Chemical Titan Holdings Berhad.

$$\text{Nisbah Pasaran – Buku} = \frac{\text{Harga Pasaran Per Saham}}{\text{Nilai Buku Per Saham}}$$

TAHUN	NISBAH PASARAN-BUKU
2018	$\frac{RM\ 4.565}{RM\ 5.27} = 0.87\ kali$
2019	$\frac{RM\ 2.329}{RM\ 5.26} = 0.44\ kali$
2020	$\frac{RM\ 2.820}{RM\ 5.19} = 0.54\ kali$
2021	$\frac{RM\ 2.284}{RM\ 5.58} = 0.41\ kali$
2022	$\frac{RM\ 1.436}{RM\ 5.16} = 0.28\ kali$

Jadual 2.5.2: Nisbah pasaran-buku syarikat Lotte Chemical Titan Holdings Berhad

## **2.0 ANALISIS NISBAH KEWANGAN SYARIKAT**

Analisis nisbah kewangan adalah teknik yang digunakan untuk menilai prestasi kewangan syarikat. Kami dapat mengakses syarikat dan menilai prestasi kewangannya dengan menganalisis kewangannya data Serta membantu pelabur membuat keputusan pelaburan yang lebih baik.

### **2.1 NISBAH KECAIRAN**

Sebuah firma cair dari segi kewangan jika dapat membayar bilnya tepat pada waktunya. Kita boleh menganalisis kecairan firma dari dua perspektif yang saling melengkapi iaitu mengukur kecairan keseluruhan firma dan mengukur kecairan kategori aset individu. Kecairan keseluruhan dianalisis dengan membandingkan aset semasa firma dengan liabiliti semasa firma. Dua nisbah yang digunakan untuk menganalisis kecairan keseluruhan adalah Nisbah Semasa dan Nisbah Ujian Asid (atau Cepat).

#### **2.1.1 Nisbah Semasa**

Nisbah Semasa membandingkan aset semasa (cecair) firma dengan aset semasa (jangka pendek) liabiliti.

Jadual 2.1.1 menunjukkan nisbah semasa bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad yang menunjukkan nilai yang tidak konsisten sepanjang tempoh 5 tahun .Pada tahun 2018 hingga 2019 nisbah semasa menunjukkan nilai yang meningkat, iaitu 7.11 kali meningkat kepada 7.97 kali peningkatan ini adalah sebanyak 0.86 kali. Hal ini kerana, kemampuan Syarikat Lotte Chemical Titam Holding Berhad untuk membayar hutang jangka masa pendek semakin meningkat disebabkan oleh pengurusan modal kerja yang baik. Bagaimanapun, nisbah semasa mula menurun pada tahun 2020 sehingga tahun 2022.Pada tahun 2020 nisbah semasa adalah 7.60 kali menurun kepada 7.42 kali hal ini kerana berlaku peningkatan pada liabiliti semasa.Pada 2022 pula, nisbah semasa turun secara mendadak daripada 7.42 kali kepada 3.29 kali penurunan ini adalah disebabkan oleh peningkatan hutang jangka pendek dan Syarikat yang tidak cekap dalam pengurusan pembayaran hutang. Peningkatan dan penurunan nisbah semasa ini menunjukkan kedudukan kewangan Syarikat yang tidak stabil dalam membayar hutang-hutang jangka pendek dalam masa setahun.

#### **2.1.2 Nisbah Ujian Asid (Cepat)**

Nisbah Ujian Asid (Cepat) mengukur keupayaan syarikat untuk membayar pinjaman jangka pendek dengan pantas. Nisbah cepat adalah ujian kecairan yang lebih ketat berbanding dengan modal kerja bersih dan nisbah semasa. Ini kerana nisbah cepat hanya mengambil kira tunai dan aset

yang boleh ditukar dengan mudah dalam bentuk tunai. Inventori tidak termasuk dalam aset cair yang lain kerana tempoh yang lama bagi inventori yang hendak ditukarkan kepada tunai.

Jadual 2.1.2 menunjukkan Nisbah Ujian Asid (Cepat) bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad mengikut kumpulan daripada lima tahun sebelumnya (2018-2022) yang menunjukkan nilai yang tidak konsisten. Nisbah ujian asid syarikat telah meningkat daripada 5.32 kali pada tahun 2018 kepada 6.25 kali pada tahun 2019. Hal ini bermakna setiap RM1 liabiliti semasa yang ditanggung Syarikat Lotte Chemical Titan Berhad mampu membayar balik dengan RM5.32 ini menunjukkan Syarikat mampu membayar liabiliti semasa dengan cepat. Walau bagaimanapun, nisbah ujian asid syarikat mula mengalami penurunan dari tahun 2020 hingga 2021. Pada tahun 2020 menurun daripada 6.02 kali kepada 5.72 kali pada tahun 2021. Hal ini disebabkan berlaku ketidakcekapan dalam Syarikat walaupun berlaku penurunan tetapi Syarikat masih mampu membayar liabiliti. Pada tahun 2022 nisbah ujian asid masih menurun iaitu dari 5.72 kali kepada 2.06 kali. Kesimpulannya, nisbah ujian asid harus melebihi daripada 1 dan tidak kurang daripada 1 untuk membayar balik liability semasa. Sebaliknya, nisbah yang sangat tinggi boleh menunjukkan bahawa tunai terkumpul.

### **2.1.3 Purata Tempoh Pengumpulan**

Purata tempoh pengumpulan ialah purata jangka masa yang diambil oleh pelanggan untuk membayar akaunnya. Dengan perkataan lain, tempoh ini merupakan tempoh bagi syarikat perniagaan memungut hutang daripada pelanggan. Tempoh kutipan hutang juga menggambarkan kecekapan pengurus kepada syarikat syarikat dalam menjalankan tugasnya. Purata tempoh pengumpulan hutang dapat dihitung melalui rumus di bawah ini..

Jadual 2.1.3 diatas menunjukkan purata tempoh pengumpulan bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad dari tahun 2018 sehingga tahun 2022. Pada tahun 2018 purata tempoh pengumpulan adalah semakin menurun iaitu dari 39.79 hari kepada 37.09 hari. Ini menunjukkan keadaan yang baik kerana Syarikat berjaya mengutip hutang daripada akaun belum terima dalam jangka masa lebih pendek berbanding tahun 2018. Bagaimanapun pada tahun 2020 purata tempoh pengumpulan meningkat sedikit dari 37.09 hari kepada 38.81 hari ini menunjukkan Syarikat kurang cekap dalam mengutip hutang mungkin disebabkan pelanggan membayar hutang mereka dalam tempoh masa yang lama atau pelanggan yang tidak berdaya maju dari segi kewangan yang menyebabkan Syarikat mengambil masa yang lama untuk mengutip. Manakala purata tempoh pengumpulan semakin menurun iaitu 36.21 hari pada tahun 2021 menurun kepada 33.50 hari pada tahun 2022 menunjukkan penurunan yang sangat baik dan peningkatan kecekapan firma kerana

purata tempoh pengumpulan yang semakin rendah dapat memastikan Syarikat mempunyai wang tunai yang mencukupi untuk memenuhi kewajipan kewangan mereka.

#### **2.1.4 Perolehan Akaun Belum Terima**

Nisbah Perolehan Akaun Belum Terima mengukur berapa kali Syarikat mengutip hutang dari pelanggan selama setahun.

Berdasarkan jadual 2.1.4 menunjukkan perolehan akaun belum terima bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Berhad bagi tahun 2018 sehingga tahun 2022. Nisbah perolehan yang baik adalah diatas 7.8 kali. Pada tahun 2018 perolehan akaun belum terima ialah 9.17 kali kemudian meningkat kepada 9.84 kali ini bermaksud Syarikat mengutip akaun belum terima sebanyak 9.84 kali dalam setahun iaitu lebih 0.67 kali berbanding tahun 2018 yang menunjukkan bahawa Syarikat mengutip hutang dengan lebih cekap dan cepat. Pada tahun 2020 pula berlaku penurunan iaitu 9.84 kali kepada 9.40 kali ini menunjukkan bahawa penghutang Syarikat tidak diuruskan dengan berkesan dan lemah selain itu, Syarikat tidak mengutip bayaran kepada pelanggan tepat pada masanya. Nilai perolehan akaun belum terima yang rendah akan memudaratkan Syarikat disebabkan prinsip nilai masa wang, iaitu semakin lama Syarikat mengambil masa untuk mengutip jualan kreditnya maka semakin banyak wang yang rugi dan semakin kurang nilai jualan. Pada tahun 2021 perolehan akaun belum terima semakin meningkat iaitu 10.08 kali dan terus meningkat lagi pada tahun 2022 iaitu 10.89 kali menunjukkan jumlah tertinggi sepanjang tempoh 5 tahun peningkatan ini adalah disebabkan Syarikat menikmati pelanggan berkualiti tinggi yang membayar hutang dengan cekap. Keadaan ini adalah baik untuk keuntungan Syarikat.

#### **2.1.5 Nisbah Perolehan Inventori**

Nisbah perolehan inventori mengukur berapa kali dalam setahun inventori inventori dapat dijual dan diganti semula.

Jadual 2.1.5 di atas menunjukkan nisbah perolehan inventori bagi Syarikat Lotter Chemical Titan Holding Berhad dalam tempoh 5 tahun (2018-2022). Nisbah perolehan inventori meningkat daripada 5.57 kali pada 2018 kepada 6.02 kali pada 2019 ini menunjukkan Syarikat menjual inventori dengan cekap kerana terdapat peningkatan sebanyak 0.45 kali. Kemudian nisbah perolehan inventori pada tahun 2020 menurun daripada 6.02 kali kepada 4.95 kali penurunan ini adalah disebabkan oleh pandemic Covid-19 yang berlaku pada tahun 2020 disebabkan itu Syarikat terpaksa memegang inventori yang banyak kerana berlaku menurun ekonomi. Nisbah perolehan inventori pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan sedikit berbanding tahun sebelumnya iaitu 4.95 kali meningkat kepada 5.10 kali ini disebabkan penjualan produk Syarikat yang laris dan Syarikat tidak menyimpan banyak inventori. Kadar ganti stok dalam tahun berkenaan ialah 5.01 kali. Pada tahun 2022 nisbah perolehan inventori telah meningkat dengan banyak iaitu 7.40

kali. Hal ini disebabkan berlaku pemulihan ekonomi setelah pandemic Covid-19 aktiviti ekonomi semakin lancar dan Syarikat mampu menjual inventori dengan pantas. Kesimpulannya semakin tinggi pusing ganti inventori adalah semakin baik kepada Syarikat kerana ini mendapat memberi keuntungan dan barang yang dijual semakin banyak dan inventori berkurang serta peluang inventori usang berkurangan.

### **2.1.6 Jualan Hari Dalam Inventori**

Jualan hari dalam inventori mewakili purata bilangan hari asset inventori Syarikat direalisasikan ke dalam jualan dalam tahun tersebut.

Berdasarkan jadual 2.1.6 diatas menunjukkan jualan hari dalam inventori bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad dalam tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2018 sehingga tahun 2022. Inventori yang dipegang oleh Syarikat Lotte Chemical Titan Berhad berkurang daripada 65.53 hari pada tahun 2018 kepada 60.63 hari pada tahun 2019. Ini menunjukkan Syarikat lebih cekap kerana lebih pantas menghabiskan stok. Selepas itu, ia meningkat kepada 73.74 hari menjelang tahun 2020 hal ini kerana Syarikat membeli terlalu banyak inventori atau mempunyai stok yang lama dalam inventornya. Inventori yang banyak akan menyebabkan Syarikat akan bergelut dengan inventori yang usang dan rosak. Pada tahun 2021 jualan hari semakin berkurang dari 73.74 hari kepada 71.57 hari menunjukkan Syarikat sangat cekap dan kerap menjual inventori ini membawa kepada keuntungan yang lebih tinggi kepada syarikat. Pada tahun 2022 ialah tahun yang paling cekap berbanding tahun sebelumnya kerana mempunyai nilai yang paling rendah iaitu 49.32 hari sahaja untuk menghabiskan stok. Ini menunjukkan kestabilan jualan yang semakin baik bagi Syarikat dan harus dikekalkan.

## **2.2 NISBAH STRUKTUR MODAL**

Dalam kewangan, struktur modal merujuk kepada bagaimana firma membiayai asetnya dengan menggunakan gabungan hutang dan ekuiti. Oleh itu, nisbah struktur modal digunakan untuk menjawab soalan penting seperti: "*Bagaimanakah firma membiayai pembelian asetnya?*". Untuk menangani isu ini, dua jenis nisbah struktur modal digunakan iaitu nisbah hutang dan nisbah kali pendapatan faedah.

### **2.2.1 Nisbah Hutang**

Nisbah hutang adalah untuk mengukur peratusan aset firma yang dibiayai menggunakan liabiliti semasa jangka panjang. Formula untuk nisbah hutang adalah jumlah liabiliti dibahagikan dengan jumlah aset.

Jadual 2.2.1 merupakan nisbah hutang bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad yang menunjukkan peningkatan dan penurunan sepanjang tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2018 sehingga tahun 2022. Nisbah hutang pada tahun 2018 dan tahun 2019 menunjukkan nilai yang sama iaitu sebanyak 0.11%. Pada tahun 2020, nisbah hutang telah meningkat sebanyak 0.01% kepada 0.12%. Seterusnya, nisbah hutang terus meningkat sebanyak 0.02% pada tahun 2021 iaitu sebanyak 0.14%. Namun begitu, nisbah hutang menurun pada tahun 2022 sebanyak 0.01% kepada 0.13%. Nisbah hutang pada tahun 2018 dan tahun 2019 menunjukkan nilai yang sama kerana dipengaruhi oleh berbagai faktor ekonomi, termasuklah tingkat suku bunga, keadaan pasaran, dan kebijaksanaan perniagaan. Perubahan ekonomi makro seperti inflasi atau kemelesetan juga dapat memberi kesan pada nisbah hutang bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad. Nisbah hutang bagi Syarikat Lotte Chemical Holding meningkat pada tahun 2020 dan tahun 2021 disebabkan oleh pengurusan kewangan yang kurang efisien daripada sumber manusia syarikat tersebut. Keputusan untuk mengambil pinjaman tambahan dan memperluaskan perniagaan juga mempengaruhi nisbah hutang pada tahun 2020 dan tahun 2021. Nisbah hutang bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad menurun pada tahun 2022 kerana peningkatan pendapatan syarikat yang baik. Selain itu, penstrukturan semula hutang, peningkatan keuntungan bersih dan dasar kewangan yang lebih konservatif juga boleh menyumbang kepada penurunan nisbah hutang bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad.

### **2.2.2 Nisbah Kali Pendapatan Faedah**

Faktor penting dalam struktur modal firma ialah keupayaannya untuk membayar faedah dan hutangnya. Memandangkan firma membayar perbelanjaan faedahnya sebelum cukainya, petunjuk sama ada firma itu mampu membayar faedah boleh diperolehi dengan membandingkan

perbelanjaan faedahnya dengan pendapatan operasi bersihnya, atau pendapatan sebelum faedah dan cukai (EBIT). Nisbah EBIT kepada perbelanjaan faedah dirujuk sebagai nisbah kali faedah yang diperoleh dan dikira seperti berikut:

Jadual 2.2.2 merupakan nisbah kali pendapatan faedah bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad yang menunjukkan nilai yang tidak konsisten iaitu menurun, meningkat kemudian menurun kembali. Nisbah kali pendapatan faedah pada tahun 2018 menunjukkan nilai 0.04 kali kemudian menurun sebanyak 0.03 kali pada tahun 2019 dan mencatatkan nilai sebanyak 0.01 kali. Nisbah kali pendapatan faedah pada tahun 2020 dan tahun 2021 terus meningkatkan iaitu 0.02 kali dan 0.07 kali masing-masing bagi tahun berkenaan. Namun begitu, pada tahun 2022 nisbah kali pendapatan faedah menurun sebanyak 0.01 kali dan mencatatkan nilai 0.06 kali. Nisbah kali pendapatan faedah menunjukkan penurunan pada tahun 2019 dan tahun 2022 disebabkan oleh turun naik pasaran yang di alami oleh Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad. Faktor dalaman syarikat seperti pengurusan yang tidak cekap dan bebanan hutang tinggi merupakan penyumbang kepada penurunan nisbah kali pendapatan faedah bagi Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad. Peningkatan nisbah kali pendapatan faedah yang berlaku pada tahun 2020 dan tahun 2021 dipengaruhi oleh pertumbuhan ekonomi serta strategi pengurusan yang efektif. Faktor inilah yang menyumbang kepada prestasi kewangan yang positif bagi Syarikat Lotte Titan Holding Berhad.



## **2.3 NISBAH KECEKAPAN PENGURUSAN ASET**

Penunjuk kewangan yang dipanggil nisbah kecekapan pengurusan aset digunakan untuk menilai pasukan pengurusan sebuah organisasi atau syarikat menghasilkan pendapatan dan keuntungan dengan menggunakan asetnya. Sebuah syarikat mungkin memanfaatkan asetnya dengan berkesan untuk menghasilkan pendapatan jika mempunyai nisbah perolehan aset yang tinggi. Ia menunjukkan bahawa perniagaan menggunakan sumbernya dengan cekap untuk menghasilkan jualan.

### **2.3.1 Nisbah Perolehan Jumlah Aset**

Nisbah perolehan jumlah aset mewakili sebagai ukuran keberkesanan syarikat menggunakan asetnya untuk menghasilkan jualan atau pendapatan mereka.

Berdasarkan jadual 2.3.1 dan graf nisbah kecekapan pengurusan aset bagi Lotte Chemical Titan Berhad dari tahun 2018 sehingga tahun 2022 menunjukkan nisbah perolehan jumlah aset pada tahun 2018 ialah 0.68 kali. Kemudian pada tahun 2019, nisbah perolehan jumlah aset mengalami penurunan sebanyak 0.07 kali menjadi 0.61 kali dan didapati penurunan ini berterusan sehingga tahun 2020 menjadikan nisbah perolehan jumlah aset pada tahun 2020 ialah 0.50 kali iaitu berlaku penurunan sebanyak 0.11 kali. Nisbah perolehan jumlah aset yang berkurangan menunjukkan bahawa syarikat mengalami penurunan dalam kecekapan penggunaan aset untuk menghasilkan pendapatan. Ini berlaku kerana syarikat tidak dapat mengoptimalkan penggunaan aset-asetnya dengan baik. Menjelang tahun 2021, nisbah perolehan jumlah aset bagi Lotte Chemical Titan Berhad meningkat dengan baik sehingga 0.64 kali iaitu sebanyak 0.14 kali berbanding tahun 2020. Ini menunjukkan bahawa wabak Covid-19 yang berlaku pada tahun 2020 yang mengakibatkan nisbah perolehan jumlah aset adalah paling rendah dalam tempoh 5 tahun itu disebabkan oleh aktiviti perniagaan yang dikurangkan dan permintaan dalam ekonomi yang terjejas. Hal ini mengakibatkan aset-aset yang digunakan oleh syarikat tidak dapat dimanfaatkan sepenuhnya, kerana kurangnya permintaan atau keupayaan syarikat untuk beroperasi pada tahap penuh. Pada tahun 2022 pula, nisbah perolehan jumlah aset bagi Lotte Chemical Titan Berhad kembali turun sebanyak 0.04 kali berbanding tahun 2021 menjadi 0.60 kali. Hal ini kerana Lotte Chemical Titan Berhad telah mengalami penurunan dalam permintaan yang menyebabkan penggunaan aset yang kurang efisien.

### **2.3.2 Nisbah Perolehan Aset Tetap**

Nisbah perolehan aset tetap mewakili ukuran seberapa cekap syarikat menggunakan aset tetapnya untuk menghasilkan pendapatan. Nisbah yang lebih tinggi boleh menunjukkan bahawa firma tersebut menggunakan aset tetapnya dengan lebih berkesan. Untuk menganalisis kecekapan firma menguruskan aset tetapnya, pengiraan nisbah perolehan aset tetap adalah seperti di bawah:

Berdasarkan jadual 2.3.2 dan graf nisbah kecekapan pengurusan aset bagi Lotte Chemical Titan Berhad dari tahun 2018 sehingga tahun 2022 menunjukkan nisbah perolehan aset tetap pada tahun 2018 dan tahun 2019 adalah sama iaitu sebanyak 1.72 kali. Hal ini menunjukkan bahawa syarikat ini mengalami kecekapan atau konsistensi dalam penggunaan aset untuk menghasilkan pendapatan. Pengurusan yang cekap dalam menggunakan aset untuk menghasilkan pendapatan tanpa perubahan ketara dalam strategi atau operasi. Kemudian pada tahun 2020, nisbah perolehan jumlah aset mengalami penurunan yang ketara sebanyak 0.36 kali menjadi 1.36 kali. Penurunan ini menunjukkan pandemik COVID-19 yang melanda dunia ketika itu turut memberi kesan negatif kepada syarikat Lotte Chemical Titan Berhad. Pandemik ini telah mengakibatkan penurunan dalam permintaan umum untuk produk mereka dan terpaksa mengurangkan pengeluaran dan memperlahankan perniagaan, yang boleh mengurangkan penggunaan aset dan akhirnya menurunkan nisbah perolehan aset tetap. Menjelang tahun 2021, nisbah perolehan aset tetap bagi Lotte Chemical Titan Berhad meningkat dengan baik sehingga 1.87 kali iaitu sebanyak 0.51 kali berbanding tahun 2020. Peningkatan ini menunjukkan strategi pemasaran syarikat dan jelas penggunaan sumber secara optimum. Pada tahun 2022 pula, nisbah perolehan aset tetap bagi Lotte Chemical Titan Berhad kembali turun secara mendadak sebanyak 0.83 kali berbanding tahun 2021 menjadi 1.04 kali. Hal ini kerana Lotte Chemical Titan Berhad telah mengalami penurunan dalam kecekapan penggunaan aset untuk menghasilkan pendapatan

## **2.4 NISBAH KEUNTUNGAN**

Di bawah nisbah ini penganalisis dapat mengetahui bagaimana keuntungan firma dan Pulangan Pelaburan dalam firma. Nisbah ini boleh memberikan pelabur dan penganalisis jawapan tentang bagaimana firma itu mengawal kawalan kosnya dan bagaimana kecekapan menggunakan aset untuk menjana jualan.

### **2.4.1 Margin Untung Kasar**

Ukuran keuntungan yang dipanggil margin untung kasar menentukan peratusan jualan melebihi kos barang yang dijual. Dalam erti kata lain, ia menilai sejauh mana perniagaan menggunakan sumbernya untuk menghasilkan dan memasarkan barangannya secara menguntungkan.

Berdasarkan jadual 2.4.1 dan Graf keuntungan bagi margin untung kasar, pada 2018, margin untung kasar bagi Lotte Chemical Titan Berhad ialah 9.17%. Margin untung kasar yang positif menunjukkan bahawa syarikat menjana untung kasar berbanding jualan yang dimilikinya. Pada tahun berikutnya, Margin untung kasar turun kepada 5.56% iaitu sebanyak 3.61%. Margin untung kasar yang berkurangan menunjukkan bahawa syarikat mungkin kurang cekap dalam mengurus kos barang untuk dijual atau kurang menghasilkan hasil dan berlaku pulangan jualan yang banyak. Pada tahun 2020, Margin untung kasar untuk Lotte Chemical Titan Berhad menghadapi peningkatan yang sebanyak 1.68% berbanding tahun lalu iaitu 6.67%. pada tahun 2020 syarikat mendapatkan untung kasar yang baik kerana berlaku pengurangan kos barang untuk dijual berbanding tahun lalu walaupun hasil selepas pengiraan untung kasar berkurang daripada tahun lepas. Menjelang tahun 2021, margin untung kasar untuk Lotte Chemical Titan Berhad meningkat dengan baik sehingga 13.11% iaitu sebanyak 5.87 %. Ini menunjukkan bahawa wabak Covid-19 itu telah mendorong syarikat untuk menumpukan pada langkah-langkah pengurangan kos dan kecekapan, yang memberikan jualan lebih tinggi dan untung kasar yang lebih. Akhirnya, margin untung kasar Lotte Chemical Titan Berhad turun pada paras peratus yang negatif iaitu -7.95% pada tahun 2022. Hal ini kerana Lotte Chemical Titan Berhad telah mengalami peningkatan kos barang untuk dijual secara berlebihan berbanding hasil atau jualan. kerugian yang besar pada tahun 2022 ini menunjukkan Syarikat tidak menghasilkan keuntungan dan memberikan penawaran lebih daripada permintaan.

### **2.4.2 Margin Untung Operasi**

Ukuran keuntungan, margin untung operasi mengukur bahagian jumlah pendapatan

yang dibuat oleh pendapatan operasi. Dalam erti kata lain, sekali semua pembolehkan atau operasi kos telah ditanggung, nisbah margin operasi menunjukkan jumlah hasil yang tinggal. Nisbah ini menunjukkan peratusan hasil yang boleh digunakan untuk menampung bukan operasi perbelanjaan seperti faedah.

Berdasarkan jadual 2.4.2 dan Graf keuntungan bagi margin untung operasi, pada 2018, margin untung operasi bagi Lotte Chemical Titan Berhad ialah 8.23%. Margin untung operasi yang positif menunjukkan bahawa syarikat dapat menjana jumlah pendapatan daripada setiap ringgit jualan selepas melaraskan semua jualan. Pada tahun berikutnya, Margin untung operasi turun kepada 3.08% iaitu sebanyak 5.15%. Margin untung operasi yang berkurangan menunjukkan bahawa Syarikat mengalami penurunan operasi bersih dan pengurangan jualan. Pada tahun 2020, Margin untung operasi untuk Lotte Chemical Titan Berhad menghadapi peningkatan yang sebanyak 0.86% berbanding tahun lalu iaitu 3.94%. Hal ini kerana berlaku peningkatan pendapatan operasi bersih pada tahun 2020 disebabkan penurunan cukai pendapatan dan kadar faedah daripada tahun lepas. Menjelang tahun 2021, margin untung kasar untuk Lotte Chemical Titan Berhad meningkat dengan skala besar sehingga 11.10% iaitu sebanyak 7.16%. Perkara ini menunjukkan syarikat mengalami keuntungan disebabkan untung operasi yang meningkat secara mendadak pada tahun 2021. Akhir sekali, margin untung operasi Lotte Chemical Titan Berhad turun pada paras peratus yang negatif iaitu - 10.39% pada tahun 2022. Hal ini kerana Lotte Chemical Titan Berhad telah mengalami kerugian daripada operasi. Kerugian ini juga berlaku disebabkan Syarikat tidak dapat menjana jualan pada kadar yang ditetapkan.

### **2.4.3 Margin Untung Bersih**

Nisbah margin keuntungan bersih, juga dirujuk sebagai margin bersih, ialah penunjuk keuntungan yang menunjukkan berapa banyak setiap ringgit yang diperolehi perniagaan sepanjang tahun itu berubah menjadi keuntungan. Dalam erti kata lain, ia menunjukkan jumlah pendapatan bersih yang dijana oleh perniagaan untuk setiap ringgit jualan.

Berdasarkan jadual 2.4.3 dan Graf keuntungan bagi margin untung bersih, pada 2018, margin untung bersih bagi Lotte Chemical Titan Berhad ialah 8.50%. Margin untung bersih yang positif menunjukkan bahawa syarikat dapat menjana nilai positif selepas membayar semua perbelanjaan Syarikat. Pada tahun berikutnya, Margin untung operasi turun kepada 5.24% iaitu sebanyak 3.26%. Margin untung bersih yang berkurangan menunjukkan bahawa Syarikat

mengalami penurunan untung bersih dan pengurangan jualan. Pada tahun 2020, Margin untung bersih untuk Lotte Chemical Titan Berhad masih menghadapi penurunan yang sebanyak 3.01% berbanding tahun lalu iaitu 2.23%. Hal ini kerana Syarikat cuba mengurangkan jualan dan memotong beberapa kos jualan agar dapat mengekalkan keuntungan Syarikat Ketika negara dilanda Covid-19. Namun menjelang tahun 2021, margin untung bersih untuk Lotte Chemical Titan Berhad meningkat dengan skala besar sehingga 10.59% iaitu sebanyak 8.36 %. Perkara ini menunjukkan Syarikat cuba meningkatkan hasil jualan daripada tahun sebelumnya dan perkara itu telah meningkatkan untung bersih syarikat. Akhir sekali , margin untung bersih Lotte Chemical Titan Berhad turun pada paras peratus yang negatif iaitu -7.44% pada tahun 2022. Hal ini kerana Lotte Chemical Titan Berhad telah mengalami kerugian daripada jualan. Kerugian ini berlaku disebabkan Syarikat tidak menghasilkan lebih jualan berbanding kos jualan yang menyebabkan kerugian kepada Syarikat.

Kerugian yang terjadi dalam suatu syarikat memiliki beberapa faktor penyebab yang memiliki pengaruh yang besar dalam suatu syarikat. Faktor tersebut adalah dari dalam atau luar syarikat. Contohnya, kurang modal, kelemahan pengurusan, strategi yang kurang tepat dan cara pemasaran tidak efektif. Semua faktor ini mempengaruhi untung bersih sebuah Syarikat.

#### **2.4.4 Pulangan Operasi Atas Aset**

Pulangan operasi atas aset digunakan untuk menunjukkan pendapatan operasi syarikat yang dijana setiap ringgit yang dilaburkan khusus dalam asetnya yang digunakan dalam operasi perniagaan hariannya.

Berdasarkan jadual 2.4.4 dan Graf keuntungan bagi pulangan atas aset, pada 2018, pulangan atas aset bagi Lotte Chemical Titan Berhad ialah 5.62%. pulangan atas aset positif menunjukkan bahawa syarikat menjana keuntungan berbanding jumlah aset yang dimilikinya. Pada tahun berikutnya, pulangan atas aset turun kepada 1.88% iaitu sebanyak 3.74%. pulangan atas aset yang berkurangan menunjukkan bahawa syarikat mungkin kurang cekap dalam menjana keuntungan berbanding asetnya, atau aset syarikat tidak digunakan dengan seefektif mungkin. Perkara ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor seperti jualan yang merosot, peningkatan kos, keputusan pengurusan yang lemah atau peningkatan persaingan. Pada tahun 2020, pulangan atas aset untuk Lotte Chemical Titan Berhad menghadapi peningkatan sedikit sebanyak 0.12% iaitu 2.00% . Tahun 2020 adalah ketika wabak pandemik COVID-19 bermula. Pandemik COVID-19 telah memberi kesan yang besar kepada ekonomi global dan telah menjejaskan perniagaan dari semua saiz dan industri, termasuk pulangan atas aset syarikat. Pandemik telah menyebabkan

gangguan ekonomi yang meluas, termasuk gangguan rantai bekalan, permintaan pengguna yang berkurangan dan penutupan mandatori, yang telah menjejaskan prestasi kewangan syarikat dengan ketara. Menjelang 2021, pulangan atas aset untuk Lotte Chemical Titan Berhad meningkat dengan skala yang besar sehingga 7.05% iaitu sebanyak 5.05%. Ini menunjukkan bahawa wabak itu telah mendorong syarikat untuk menumpukan pada langkah-langkah pengurangan kos dan kecekapan, yang membawa kepada penggunaan aset mereka dengan lebih baik dan peningkatan pulangan atas aset syarikat. Akhir sekali, pulangan atas aset Lotte Chemical Titan Berhad turun pada paras peratus yang negatif iaitu -6.21% pada tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa Lotte Chemical Titan Berhad telah mengalami kerugian yang besar pada tahun 2022 dan perkara ini turut menunjukkan system pengurusan yang lemah dalam menggunakan aset dengan baik dalam menjana keuntungan kepada Syarikat.

Menurut Hargrave (2022), beberapa sebab pulangan atas aset mungkin meningkat termasuk peningkatan dalam pendapatan bersih tanpa peningkatan yang sepadan dalam aset, penurunan dalam aset tanpa penurunan yang sepadan dalam pendapatan bersih, atau gabungan kedua-duanya. Faktor-faktor seperti perubahan dalam permintaan pasaran, strategi, perniagaan, keputusan pengurusan dan keadaan ekonomi semuanya boleh menjejaskan pendapatan bersih syarikat dan purata jumlah aset, dan oleh itu, ROA pada tahun 2022 telah memberi kesan negatif ke atas Lotte Chemical Titan Berhad yang mengakibatkan ROA turun lebih banyak pada tahun 2022.

#### **2.4.5 Pulangan Ke Atas Ekuiti**

Pulangan atas ekuiti ialah ukuran prestasi kewangan syarikat yang menunjukkan hubungan antara keuntungan syarikat dan pulangan pelabur.

Berdasarkan jadual 2.4.5 dan Graf keuntungan bagi pulangan atas aset, pada 2018, Pulangan Ke Atas Ekuiti bagi Lotte Chemical Titan Berhad ialah 34.03%. Pulangan Ke Atas Ekuiti positif menunjukkan bahawa Syarikat mempunyai prestasi kewangan yang baik. Pada tahun berikutnya, ROA turun kepada 19.18% iaitu sebanyak 14.85%. ROA yang berkurangan menunjukkan bahawa syarikat mungkin kurang cekap dalam menjana keuntungan kerana untung Syarikat mempengaruhi pembahagian saham. Perkara ini mungkin disebabkan oleh pelbagai faktor seperti jualan yang merosot dan peningkatan kos. Pada tahun 2020, ROA untuk Lotte Chemical Titan Berhad menghadapi penurunan yang lebih besar sebanyak 12.51% iaitu 6.67%. Tahun 2020 merupakan situasi yang genting untuk syarikat. Hal ini kerana Syarikat terpaksa mengurangkan jualan dan memotong beberapa kos untuk mengekalkan keuntungan berbanding mengambil risiko untung mendapatkan untung. Ekonomi yang tidak stabil membuatkan Syarikat mengambil langkah

berjaga-jaga. Tahun 2021, Pulangan Ke Atas Ekuiti untuk Lotte Chemical Titan Berhad meningkat dengan skala yang besar sehingga 45% iaitu sebanyak 38.33%. hal ini kerana Syarikat telah meningkatkan jumlah jualan dan mendapatkan untung yang memberangsangkan Ketika itu. Akhir sekali, Lotte Chemical Titan Berhad turun pada paras peratus yang negatif iaitu -32.22% pada tahun 2022. Hal ini kerana Syarikat tersebut tidak mendapatkan hasil daripada jualan yang menyebabkan rugi kasar dan rugi bersih berlaku. Disebabkan itu, kewangan Syarikat berada dalam keadaan yang tidak memuaskan.

## **2.5 NISBAH NILAI PASARAN**

Nisbah nilai pasaran menunjukkan berapa bernilai sesuatu saham firma dalam pasaran saham. Nisbah di bawah bahagian ini termasuklah nisbah harga atas pendapatan dan nisbah pasaran-buku.

### **2.5.1 Nisbah Harga Atas Keuntungan**

Nisbah harga atas keuntungan adalah kaedah penilaian sesuatu firma melalui perbandingan harga saham dengan keuntungan. Formula nisbah harga atas keuntungan adalah seperti berikut:

Pada tahun 2018, nisbah harga atas keuntungan syarikat Lotte Chemical Holdings Berhad (LCT) ialah 13.25 kali. Nisbah ini telah menurun pada tahun seterusnya iaitu pada tahun 2019, iaitu 12.04 kali. Nisbah pada dua tahun ini adalah kurang daripada purata industri kimia di Malaysia, iaitu 36.2 kali. Nisbah harga atas keuntungan di bawah purata industri mencadangkan bahawa saham dinilai rendah berbanding dengan syarikat pesaing. Syarikat LCT mungkin dianggap nilai rendah oleh pasaran. Persepsi ini didorong oleh faktor seperti keraguan pasaran terhadap prospek pertumbuhan syarikat, kebimbangan mengenai situasi kewangannya atau sentimen negatif di kalangan industri. Seterusnya, pada tahun 2020 dan 2021, nisbah harga atas keuntungan syarikat LCT telah meningkat secara mendadak dengan nisbah 43.12 kali dan 49.98 kali. Nisbah yang lebih tinggi daripada purata industri menunjukkan bahawa saham dinilai terlalu tinggi secara relatif. Syarikat LCT yang mempunyai margin keuntungan dan kecekapan dalam operasi yang lebih tinggi menarik pelabur yang sanggup membayar premium kerana syarikat dianggap lebih menguntungkan dan mempunyai kelebihan daya saing berbanding syarikat pesaing. Perkara ini dapat dilihat pada tahun 2020, harga saham LCT meningkat 40.6% disebabkan permintaan tinggi untuk produk Polyethylene dan Polypropylene. Pada tahun 2021, penyelidikan CGS-CIMB menjangkakan LCT mencapai keuntungan bersih sebanyak RM 240 juta pada suku keempat 2021 yang dapat menarik semula keyakinan pelabur. Namun begitu, pada tahun 2022, nisbah harga atas pendapatan syarikat LCT telah menurun dengan drastik, iaitu sehingga -4.47 kali. Penurunan ini disebabkan syarikat LCT mencatatkan kerugian sebanyak RM317.22 juta pada suku keempat berakhir 31 Disember 2022. Dalam satu kenyataan, syarikat LCT berkata kerugian ini berpunca daripada faktor luaran yang tidak tertentu, seperti inflasi yang tinggi, kadar faedah yang tinggi dan krisis perang Rusia-Ukraine.

### **2.5.2 Nisbah Pasaran Buku**

Nisbah pasaran-buku adalah metrik penilaian yang digunakan untuk membandingkan nilai pasaran sesuatu saham dengan nilai bukunya. Formula nisbah pasaran-buku adalah seperti berikut:



Pada tahun 2018, nisbah pasaran-buku syarikat LCT ialah 0.87 kali. Namun begitu, pada tahun 2019, nisbah pasaran-buku syarikat ini telah menurun ke 0.44 kali. Peningkatan nisbah pasaran-buku berlaku pada tahun seterusnya iaitu pada tahun 2020, di mana nisbah meningkat ke 0.54 kali. Seterusnya, pada tahun 2021 dan 2022, nisbah pasaran-buku syarikat ini telah menurun secara berturut-turut, dengan nisbah 0.41 kali dan 0.28 kali. Berdasarkan Jadual 2, nisbah pasaran-buku syarikat LCT adalah kurang memuaskan disebabkan nisbah untuk kelima-lima tahun, dari 2018 hingga 2022, adalah kurang daripada 1. Secara umum, nisbah pasaran-buku yang baik seharusnya di sekeliling 1. Nisbah pasaran-buku yang rendah, iaitu kurang daripada 1, menunjukkan bahawa saham syarikat dinilai rendah dan boleh ditafsirkan sebagai pelaburan yang tidak baik. Nisbah pasaran-buku yang rendah mungkin menunjukkan bahawa pelabur menganggap syarikat LCT mengalami masalah kewangan atau menghadapi cabaran yang ketara. Jika pasaran menilai ekuiti syarikat pada diskaun yang besar kepada nilai bukunya, ini mungkin tanda keraguan tentang keupayaan syarikat untuk menjana keuntungan masa depan atau memenuhi kewajipan kewangannya. Selain itu, pandangan pelabur yang negatif dan fenomena pesimisme yang luas dalam pasaran juga menyumbang kepada nisbah pasaran-buku yang lebih rendah. Pelabur mungkin teragu-agu untuk memberikan nilai yang lebih tinggi kepada ekuiti syarikat walaupun nilai bukunya menunjukkan yang sebaliknya. Di samping itu, prospek pertumbuhan terhad merupakan salah satu faktor. Jika pelabur tidak optimistik tentang pertumbuhan masa depan syarikat, ini mungkin memberi kesan kepada nisbah pasaran-buku. Akhir sekali, prestasi keuntungan syarikat yang mempunyai keuntungan yang lebih rendah atau pendapatan yang tidak konsisten. Jika pasaran beranggapan bahawa pendapatan syarikat tidak mampan atau terdapat risiko ketara yang menjejaskan pendapatan masa hadapan, ini mungkin menyebabkan penilaian syarikat yang lebih rendah yang mengakibatkan nisbah pasaran-buku yang rendah.

### **3.0 RINGKASAN ANALISIS DAN CADANGAN**

#### **3.1 Ringkasan Analisis**

Mendapatkan semula data daripada penyata kewangan Syarikat Lotte Chemical Titan Holding Berhad, nisbah cair dari tahun 2018 hingga tahun 2022 menunjukkan nisbah cair lebih baik. Hal ini dapat dibuktikan dengan jumlah purata nisbah semasa bagi lima tahun melebihi 1 kali. Bagi nisbah ujian asid Syarikat LCT bagi lima tahun adalah menunjukkan nilai yang baik kerana nisbah bagi kelima lima tahun melebihi 1 kali. Selain itu, Purata tempoh pengumpulan Syarikat LCT bagi lima tahun adalah baik. Jumlah purata tempoh pengumpulan lima tahun adalah 37 hari. Ini dapat menjadi bukti kerana tidak melebihi 60 hari. Syarikat LCT mempunyai perolehan akaun belum terima yang baik bagi tahun 2018 hingga tahun 2022. Hal ini dikatakan demikian kerana perolehan akaun diterima setiap tahun berjaya melebihi 7.8 kali. Syarikat LCT juga memiliki nisbah pusing ganti inventori yang efisien. Ini dapat dibuktikan melalui jumlah nisbah yang di antara nilai 5 hingga 10 kali.

Disamping itu, Syarikat Lotte Chemical Titan menghadapi masalah dari segi nisbah struktur modal dalam lingkungan tahun 2018 hingga tahun 2022. Ini dapat dilihat apabila jumlah nisbah hutang setiap tahun kurang dari 0.3 peratus. Syarikat LCT mempunyai nisbah kali pendapatan faedah yang baik. Hal ini dapat dilihat apabila jumlah nilai setiap tahun melebihi 2 kali. Selain itu, Syarikat LCT juga berhadapan dengan masalah nisbah kecekapan pengurusan asset. Nisbah perolehan jumlah aset bagi Syarikat LCT adalah tidak baik kerana jumlah nisbah setiap tahun kurang dari 1 kali. Syarikat LCT juga menghadapi masalah dalam nisbah perolehan asset tetap. Hal ini kerana jumlah nisbah bagi tahun 2018 hingga tahun 2022 menunjukkan nilai tidak lebih dari 2.5 kali.

Tambahan pula, Syarikat Lotte Chemical Titan menjadi tidak konsisten dari segi nisbah keuntungan. Hal ini dapat dibuktikan melalui margin untung kasar yang kurang dari 5 peratus pada tahun 2022 iaitu -7.95%. Margin untung operasi pula, menunjukkan tidak konsisten bagi 3 tahun dan Syarikat menghadapi masalah kerana nilai peratusnya kurang dari 5 peratus. Jumlah peratusan pada tahun 2019 adalah 3.08% , pada tahun 2020 3.94% dan pada tahun 2022 adalah -10.39%. Syarikat LCT juga gagal mengekalkan margin untung bersih yang tidak kurang dari 5% bagi tahun 2020 dan 2022. Kedua-dua tahun ini menunjukkan peratus margin untung bersih yang kurang dari 5% iaitu masing-masing 2.23% dan -7.44%. Selain itu, pulangan operasi atas aset Syarikat menjadi tidak konsisten. Hal ini dapat dilihat apabila Syarikat LCT gagal memperolehi jumlah peratusan yang melebihi 5% bagi 3 tahun iaitu 2019, 2020 dan 2022. Manakala pulangan ke atas ekuiti bagi

Syarikat juga tidak konsisten. Hal ini terdeteksi kerana, jumlah peratusan pada tahun 2020 dan 2022 masing-masing tidak diantara 15% hingga 20%.

Akhir sekali, Nisbah nilai pasaran Syarikat LCT dari tahun 2018 hingga tahun 2022 tidak memuaskan. Hal ini dikatakan demikian kerana nisbah harga atas keuntungan bagi 3 tahun iaitu tahun 2018,2019 dan 2022 menunjukkan nilai yang kurang daripada 20 kali. Nisbah pasaran buku pula bagi kelima-lima tahun menjadi sangat buruk kerana masing-masing tidak melebihi 1 kali.

### **3.2 Cadangan**

Jika nisbah struktur modal syarikat adalah rendah, mencerminkan penggunaan hutang yang terhad dalam campuran pembiayaannya dan boleh menerima pilihan strategik. Bagi membentuk struktur modal yang optimum, toleransi risiko dan matlamat kewangan Syarikat perlu diperiksa. Syarikat perlu mempertimbangkan manfaat hutang melalui kemungkinan pengecualian cukai dan mengurangkan kos keseluruhan modal. Walau bagaimanapun, perkara ini harus dilakukan dengan wajar , kerana hutang yang berlebihan boleh menyebabkan masalah kewangan. Syarikat perlu memeriksa pilihan untuk pembiayaan ekuiti melalui terbitan saham baharu untuk menarik pelabur tambahan dan mengukuhkan asas modal. Akhir sekali, Syarikat perlu menambah baik struktur modal dan perlu mencari keseimbangan antara pembiayaan hutang dan ekuiti yang dipadankan dengan profil risiko serta matlamat pertumbuhan syarikat.

Jika nisbah kecekapan pengurusan aset firma adalah rendah, langkah strategik untuk meningkatkan kecekapan harus dilaksanakan. Syarikat harus melakukan pemeriksaan menyeluruh terhadap aset dan prosedur operasi yang kurang berprestasi. Syarikat perlu menitikberatkan penggunaan teknologi dan automasi untuk meningkatkan peruntukan sumber dan menyelaraskan prosedur. Pemeriksaan strategi pengurusan inventori untuk mengurangkan kos pegangan dan kehabisan stok perlu dilakukan oleh Syarikat . Pengoptimuman akaun belum terima dan kitaran pembayaran untuk meningkatkan aliran tunai perlu dijalankan. Pelaksanaan program latihan untuk membangunkan kemahiran pekerja dan amalan terbaik dalam penggunaan aset dapat membantu meningkatkan kecekapan syarikat. Pemantauan dan pengubahsuaian tetap berdasarkan metrik prestasi akan dapat mengekalkan serta meningkatkan kecekapan pengurusan aset dari semasa ke semasa.

Apabila berhadapan dengan nisbah keuntungan yang rendah, syarikat harus menjalankan pemeriksaan menyeluruh terhadap prestasi kewangannya. Syarikat boleh menentukan punca utama dan menyiasat struktur kos, strategi harga dan kecekapan operasi. Syarikat perlu melaksanakan


strategi pemotongan kos, seperti rundingan semula kontrak atau menambah baik proses operasi, di mana mungkin. Pada masa yang sama, siasatan taktik peningkatan hasil, pelarasan harga dan pertumbuhan jualan melalui pengembangan pasaran atau kepelbagaian produk dapat meningkatkan keuntungan. Syarikat mestilah Menilai dan mengoptimumkan pengurusan modal kerja dan meneroka penstrukturan semula hutang jika perlu serta mengekalkan tumpuan yang kukuh terhadap kepuasan pelanggan. Penglibatan perkhidmatan profesional kewangan atau perundingan untuk memberikan nasihat sesuai dapat menstabilkan kewangan syarikat. Pendekatan komprehensif yang menggabungkan kawalan kos, pengoptimuman hasil dan pengubahsuaian strategik diperlukan untuk meningkatkan keuntungan jangka panjang.

Jika nisbah nilai pasaran syarikat adalah rendah, inisiatif strategik harus diambil untuk meningkatkan persepsi pelabur dan membuka kunci nilai. Penyampaian secara berkesan prospek pertumbuhan syarikat, dapat menambahkan prestasi kewangan dan rancangan strategik kepada pasaran melalui pelaporan yang telus dan teliti. Syarikat harus menyiasat pilihan untuk mengoptimumkan struktur modal, seperti membeli semula saham yang kurang nilai atau memulakan pembayaran dividen untuk menarik pelabur yang berfokuskan pendapatan. Pertimbangan percubaan untuk meningkatkan kecekapan operasi dan keuntungan mempunyai kesan yang baik terhadap harga pasaran. Syarikat harus berinteraksi dengan pemegang saham untuk memahami isu dan permasalahan dan menanganinya secepat mungkin. Akhir sekali, pemasaran syarikat secara aktif kepada pelabur institusi dan penganalisis dapat meningkatkan kesedaran dan merekrut pangkalan pelabur yang lebih luas.


## APENDIX

### GRAF NISBAH


#### 2.1) NISBAH KECAIRAN




#### 2.2) NISBAH STRUKTUR MODAL





### 2.3) NISBAH KECEKAPAN PENGURUSAN ASET



### 2.4) NISBAH KEUNTUNGAN



## 2.5) NISBAH NILAI PASARAN



#### 4.0 RUJUKAN

Lotte Chemical Titan Berhad (2018). Laporan Tahunan. Lotte Chemical Titan. Diambil daripada

[https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=192057&name=EA\\_DS\\_ATTACHMENTS](https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=192057&name=EA_DS_ATTACHMENTS)

Lotte Chemical Titan Berhad (2019). Laporan Tahunan. Lotte Chemical Titan. Diambil daripada

[https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=199342&name=EA\\_DS\\_ATTACHMENTS](https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=199342&name=EA_DS_ATTACHMENTS)

Lotte Chemical Titan Berhad (2020). Laporan Tahunan. Lotte Chemical Titan. Diambil daripada

[https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=206560&name=EA\\_DS\\_ATTACHMENTS](https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=206560&name=EA_DS_ATTACHMENTS)

Lotte Chemical Titan Berhad (2021). Laporan Tahunan. Lotte Chemical Titan. Diambil daripada

[https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=214864&name=EA\\_DS\\_ATTACHMENTS](https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=214864&name=EA_DS_ATTACHMENTS)

Lotte Chemical Titan Berhad (2022). Laporan Tahunan. Lotte Chemical Titan. Diambil daripada

[https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=223152&name=EA\\_DS\\_ATTACHMENTS](https://disclosure.bursamalaysia.com/FileAccess/apbursaweb/download?id=223152&name=EA_DS_ATTACHMENTS)

Lotte Chemical Titan Berhad. Gambaran Keseluruhan. Diambil daripada

<https://www.lottechem.my/main/main.asp>